

Ibadat haji didik insan sayangi alam sekitar



B.H m/s 10
3-1-07

**Minda
Lestari**

Bersama

Prof Dr Zaini Ujang

E-mel: zaini@utm.my

IBADAH haji mengingatkan umat Islam sekurang-kurangnya kepada tiga perkara berkaitan kehidupan yang lestari. Pertama, hakikat kehidupan insan adalah penghambaan diri kepada Yang Maha Esa. Demikianlah yang diserlahkan secara simbolik oleh hampir tiga juta jemaah haji berpakaian ihram dengan berwukuf di Arafah, mabit di Muzdalifah, melontar ketiga-tiga jamarat dan bermalam di Mina, melakukan tawaf di Baitullah dan saei antara Safa hingga Marwah.

Pakaian ihram yang berwarna putih itu menunjukkan kesucian dan keputihan jiwa. Pakaian itu juga menunjukkan betapa keperluan hidup yang bersifat duniawi itu seharusnya ditanggapi dengan mudah, tidak terlalu dipersulitkan. Yang lebih penting, semasa berihram, ialah kepatuhan setulusnya kepada Allah dengan memperbanyakkan zikir dan bertaubat, di samping meninggalkan 13 larangan yang bertujuan

untuk mengawal nafsu dan mengongkong keinginan yang bersifat duniawi.

Larangan itu terbahagi kepada tiga kategori iaitu mengawal minda daripada terpesona dengan keindahan duniawi yang tidak hakiki, mengawal nafsu seks dan mendidik minda melestarikan alam sekitar.

Larangan supaya tidak memakai wangi-wangian dan minyak rambut, berpakaian yang berjahit, menutup kepala dan muka dan bersarung tangan selama berihram mendorong jiwa dan minda jemaah haji untuk sama-sama merasakan erti keinsanan hakiki. Di sisi Tuhan, manusia sama saja dari segi fizikalnya tanpa mengira darjat duniawi, keturunan atau harta kekayaan. Faktor yang membezakan ialah ketakwaan.

Pendidikan minda lestari terserlah menerusi perjalanan ritual dari Makkah ke Mina, kemudian ke Arafah, kembali ke Mina dan berakhir di Makkah. Dalam perjalanan, jemaah haji sentiasa berzikir memuji dan membesarkan Allah yang mencipta bumi, langit dan seluruh alam. Di sinilah kerdilnya manusia yang sebahagian besarnya berasa lelah dan tidak berdaya untuk berjalan biarpun tidak jauh, apatah lagi untuk mengelilingi seluruh alam maya ini.

Sewaktu berihram, jemaah haji dilarang memotong, menebang, mengerat atau mencabut tumbuhan. Begitu juga dengan memburu binatang atau membinasakannya di Tanah Haram atau Halal. Salah satu pengajaran di sebalik larangan ini bermaksud untuk mendidik jemaah haji supaya memulihara komponen alam sekitar yang menyumbang ke arah keseimbangan ekosistem.

Jika diperluaskan lagi tafsiran itu, umat Islam juga ditegah melakukan amalan bukannya lestari lain yang boleh mencemarkan air, udara, tanah dan komponen ekosistem yang lain. Larangan ini juga sepatutnya mendorong kita mengurangkan penggunaan dan bergantung kepada sumber alam yang semakin pupus dan bertambah mahal, khususnya bahan api petroleum dan sumber air.

Kedua, ibadah haji mengajar kita supaya banyak berkorban. Jika difahami secara mudah, ibadah korban hanya membabitkan penyembelihan binatang semasa musim haji atau hari tasyrik. Ibadah ini tidak khusus kepada jemaah haji dan boleh dilakukan di mana saja. Namun demikian, jika pengertian ibadah korban itu diperluaskan maka ianya tidak hanya terhad kepada pengorbanan bintang. Nabi Ibrahim diperintahkan untuk mengorbankan

anaknyanya, Nabi Ismail.

Dalam konteks yang luas ibadah korban turut membabitkan pengorbanan jiwa, harta, kedudukan dan kesenangan hidup semata-mata untuk mendapat keredaan Allah biar apapun situasi dan rintangannya.

Ibadah korban juga seharusnya diperluaskan dalam konteks kemasyarakatan. Umat Islam juga diajar berkorban untuk meringankan bebanan masyarakat. Pengorbanan ini boleh dilakukan dengan pelbagai amalan dan kaedah, misalnya membantu ketika masyarakat ditimpa kesusahan seperti bencana banjir minggu lalu.

Pengorbanan juga perlu dilakukan supaya tidak mendatangkan lebih banyak kesusahan kepada orang lain, khususnya dari segi keselamatan nyawa dan harta benda. Jika ekosistem dirosakkan, hutan dimusnahkan sewenang-wenangnya, sumber air dicemarkan dan ruang udara dijerebukan maka masyarakat akan terdedah kepada pelbagai musibah dan kesusahan.

Dalam konteks ini - sebagaimana yang dianjurkan menerusi ibadah korban - tugas kita ialah berusaha dengan mengorbankan masa, wang, idea dan keringat untuk memastikan dasar, kerangka dan amalan lestari dilaksanakan dalam kon-

teks keluarga, komuniti, lapangan kerja dan negara.

Ketiga, ibadah haji juga seharusnya mengingatkan kita bahawa Nabi Ibrahim, anaknya Nabi Ismail dan isterinya Hajar, memulakan tamadun besar di Makkah. Selain daripada wujudnya manusia, tamadun tersebut terbina menerusi pancutan air zam-zam hentakan kaki Nabi Ismail yang masih kecil, ketika ibunya Hajar berulang-alik dari Safa ke Marwah mencari sumber air. Dengan air zam-zam itulah bermulanya kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan berkabilah sehingga sehinggalah ke hari ini, Makkah dimuliakan sebagai kiblat umat Islam.

Dalam pengertian yang utilitarian, ibadah haji itu seharusnya mengingatkan kita bahawa sumber air khususnya telaga zam-zam itu adalah sumber kehidupan, kemakmuran, kelestarian dan kedamaian. Oleh yang demikian sumber air perlu dilestarikan supaya ia dapat terus dimanfaatkan sebagai minuman, penyucian diri dan rohani, dan sumber ekonomi. Pelestarian sumber air bermaksud memastikan air terus mengalir, kualiti airnya bersih dan kegunaannya dapat dioptimumkan tanpa sebarang pembaziran atau penyelewengan.

Itulah antara manifestasi di sebalik amalan dan penghayatan ibadah haji. Kesannya memutih dan menyucikan jiwa sebagaimana putihnya pakaian ihram. Kesannya juga mendekatkan diri kepada Yang Maha Kuasa seperti kita terpinga-pinga mencari petunjuk arah dalam lautan manusia menuju Arafah, Muzdalifah, Mina dan Makkah, dan kemudian berkorban menitiskan darah binatang dalam kesyahduan lafaz talbiah, tasbih dan tahmid.

**Penulis ialah Dekan Fakulti
Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan
Sumber Asli dan Felo Kanan Institut
Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber
Air (IPASA) Universiti Teknologi
Malaysia.**